



FELDA

# POLISI PERANGI JENAYAH RASUAH



# **POLISI PERANGI JENAYAH RASUAH**

**Diterbitkan oleh:**  
Unit Integriti FELDA  
Tingkat 34, Menara FELDA,  
Platinum Park,  
No.11 Persiaran KLCC,  
50088 Kuala Lumpur

Cetakan: 2020

**Hak cipta terpelihara:** Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau pun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa keizinan bertulis daripada penerbit.

**Dicetak oleh:**  
Percetakan Salam Sdn Bhd  
81 & 81A Jalan KPK 1/8,  
Kawasan Perindustrian Kundang, Kundang Jaya,  
48020 Rawang, Selangor

# KANDUNGAN

<b>PERUTUSAN PENGERUSI FELDA</b>	v
<b>KENYATAAN POLISI PERANGI JENAYAH RASUAH</b>	vii
<b>PENDAHULUAN</b>	2
<b>OBJEKTIF</b>	4
<b>PEMAKAIAN POLISI</b>	5
<b>DEFINISI</b>	6

## BAHAGIAN 1

<b>BAB 1: JENIS-JENIS KESALAHAN JENAYAH RASUAH</b>	10
Meminta atau Menerima Suapan Rasuah	10
Menawarkan atau Memberi Suapan Rasuah	11
Mengemukakan Tuntutan Palsu	12
Menyalahgunakan Jawatan dan Kedudukan	13
Liabiliti Korporat	16
<b>BAB 2: KESALAHAN BERKAITAN DENGAN JENAYAH RASUAH</b>	19
Penarikan Balik Tender	19
Gagal Melaporkan Penawaran Rasuah	20
Pemilikan Harta Berlebih-lebihan	21
Persubahanan Dalam Aktiviti Rasuah	22
Pemusnahan Keterangan atau Dokumen	23
Membuat Pernyataan Yang Palsu Atau Mengelirukan	24
Kesalahan Menggunakan, Memegang, Menerima Atau Menyembunyikan Suapan Rasuah	25
Kesalahan Jenayah Rasuah di luar Malaysia	26
Penyitaan dan Pelucuthakan Harta	26
<b>BAB 3: KESALAHAN-KESALAHAN LAIN SELAIN JENAYAH RASUAH</b>	27
Menerima Barang Berharga atau Hadiah Tanpa Pertimbangan Munasabah	27
Pengubahan Wang Haram	28

# POLISI PERANGI JENAYAH RASUAH

Penipuan	31
Pecah Amanah Jenayah	33
Pemalsuan	34
Mencuri Harta FELDA	36
Kesalahan Mendedahkan Dokumen atau Maklumat Terperingkat	37
<b>BAHAGIAN 2</b>	
<b>BAB 1: KEWAJIPAN MELAPORKAN PERBUATAN JENAYAH RASUAH</b>	40
<b>BAB 2: SALURAN MENGEJELAKAN MAKLUMAT ATAU ADUAN</b>	42
<b>BAB 3: PANDUAN MEMBERI MAKLUMAT ATAU ADUAN JENAYAH RASUAH BERKUALITI</b>	43
<b>BAB 4: PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT</b>	46
Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat Di Bawah Akta SPRM 2009	46
Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat Di Bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010	47
Pembatalan Terhadap Perlindungan Pemberi Maklumat	50
Kesalahan Memberi Maklumat Palsu	51
Ganjaran Atau Pengiktirafan Kepada Petugas FELDA Melaporkan Kelakuan Tidak Wajar	51
<b>BAB 5: TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI MENGURUS MAKLUMAT</b>	53
Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM)	53
Pelaporan	54
<b>PENUTUP</b>	55
<b>BIBLIOGRAFI</b>	56
<b>SENARAI ALAMAT PEJABAT FELDA</b>	57



## PERUTUSAN PENGERUSI FELDA

Saya ingin ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk merakamkan sedikit Kata Aluan dalam naskah *"Polisi Perangi Jenayah Rasuah FELDA"*.

Saya turut ingin ucapkan tahniah kepada Unit Integriti FELDA sebagai Penerbit, kerana telah merangka polisi ini untuk dijadikan panduan buat semua warga FELDA. Polisi ini dapat membantu kita memperkemaskan sistem penyampaian dan meningkatkan tahap urus tadbir. Ini semua akan menjayakan kita sebagai sebuah organisasi yang memberi perkhidmatan terbaik kepada semua pemegang taruh, khasnya warga peneroka yang kita kasihi.

Dalam tahun 2019, satu kajian telah dijalankan ke atas 397 syarikat yang tersenarai dalam *Fortune 500*, iaitu 500 syarikat yang terbaik di Amerika Syarikat berdasarkan pendapatan. Berdasarkan kajian tersebut, 5 nilai teras yang telah dikenalpasti ialah:

- Integriti (*Integrity*)
- Kerja Berpasukan (*Team Work*)
- Inovasi (*Innovation*)
- Khidmat Pelanggan (*Customer Service*)
- Hormat (*Respect*)

Jelas sekali bahawa nilai integriti adalah nilai utama yang telah menyumbang ke arah kejayaan syarikat-syarikat dalam *Fortune 500*.

Kajian tersebut turut mendapati bahawa syarikat-syarikat ini bukan sekadar mempamerkan nilai-nilai teras (*core values*) melalui gantungan poster di dinding, billboard atau laman web, mahupun sebagai satu gimik pemasaran semata-mata. Tetapi yang lebih

## POLISI PERANGI JENAYAH RASUAH

penting, mereka benar-benar menjadikan nilai-nilai teras ini sebagai budaya korporat dan amalan organisasi.

Justeru saya berpendapat, sekiranya kita sebagai sebuah organisasi ingin lebih berjaya, polisi yang baik mestilah disusuli dengan pematuhan yang baik. Malah saya berpendapat cabaran besar kita ialah bagaimana hendak menjadikan sesuatu polisi, khasnya yang menyentuh soal integriti, sebagai satu budaya korporat dalam organisasi yang kita sayangi ini.

Sebab itu saya sangat mengalu-alukan usaha menerbitkan Polisi Perangi Jenayah Rasuah ini. Bergerak ke hadapan (*moving forward*), saya percaya ianya akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak inisiatif anti rasuah dan pengukuhan integriti di FELDA. Usaha baik ini hendaklah diteruskan ke tahap menjadikan polisi ini hidup sebagai suatu budaya korporat yang dipegang sebagai amalan terbaik (*best practices*).

Tahniah dan terima kasih.

**“PENEROKA ADALAH PERINTIS, BERANI DAN SUKA CABARAN”  
“PETUGAS BERINTEGRITI, PROAKTIF DAN SEDIA BERBAKTI”**



**DATO' SERI IDRIS BIN JUSOH  
PENGURUSI FELDA**



## KENYATAAN POLISI PERANGI JENAYAH RASUAH

FELDA komited untuk memastikan semua perkhidmatan dan urusan operasi termasuk urus niaga dilaksanakan secara beretika, profesional dan berlandaskan undang-undang serta peraturan demi menginstitusikan integriti dan governans terbaik seiring dengan Visi dan Misi FELDA. Komitmen FELDA untuk menjadikan integriti sebagai satu prinsip dan budaya kerja adalah selari dengan nilai teras utama FELDA iaitu *MIGHT* (Menambah nilai, Integriti, Gagah, Hormat dan Tolong-Menolong).

Polisi Perangi Jenayah Rasuah FELDA ini adalah salah satu daripada inisiatif untuk menjadikan FELDA terulung dalam standard integriti dan governans terbaik. Oleh itu, FELDA tidak akan berkompromi dengan perbuatan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib yang menjelaskan imej dan reputasi FELDA. Semua petugas, Ahli Lembaga, pihak berkepentingan dalam FELDA dan rakan perniagaan perlu memahami dan mematuhi polisi ini. Pelanggaran kepada polisi ini akan mendedahkan kepada tindakan undang-undang atau tatatertib. Kejayaan FELDA untuk membanteras jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib di dalam FELDA memerlukan komitmen dan peranan semua pihak. Sekiranya terdapat mana-mana individu yang disyaki melakukan jenayah rasuah, aduan boleh dibuat berdasarkan panduan yang telah ditetapkan oleh FELDA supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

**“PENEROKA ADALAH PERINTIS, BERANI DAN SUKA CABARAN”  
“PETUGAS BERINTEGRITI, PROAKTIF DAN SEDIA BERBAKTI”**

DATO' DR. OTHMAN BIN HAJI OMAR  
PENGARAH BESAR FELDA



# PENGENALAN

## PENDAHULUAN

Perkataan “rasuah” berasal daripada bahasa Arab iaitu *al-Risyawah* yang dikaitkan dengan perkataan batil yang disebut dalam al-Quran yang bermaksud perbuatan seseorang yang memperoleh harta dengan cara yang salah dan tidak halal di sisi agama.

Di negara ini, secara umumnya perbuatan jenayah rasuah merangkumi kesalahan mengemukakan dokumen atau tuntutan palsu, memberi atau menawarkan suapan rasuah dan menerima atau meminta suapan rasuah sama ada dalam bentuk wang, hadiah, komisen, diskau, apa-apa harta atau perkhidmatan sebagai balasan untuk mendapatkan sesuatu di luar saluran yang sah di sisi undang-undang atau untuk melepaskan diri daripada diambil tindakan mengikut undang-undang. Jenayah rasuah juga adalah suatu bentuk penyalahgunaan jawatan atau kedudukan untuk mendapatkan suapan rasuah untuk kepentingan peribadi atau saudaranya atau sekutunya.

Jenayah rasuah adalah merupakan penyakit sosial di mana virus penyakitnya akan menyerang mana-mana penjawat awam yang lemah integritinya.

Perlakuan jenayah rasuah di kalangan petugas FELDA bukan sahaja satu dosa besar malah memberi kesan yang cukup besar dan dahsyat kepada individu terlibat kerana ianya maruah dan melemahkan institusi kekeluargaan, masyarakat, organisasi, pentadbiran negara dan kedaulatan negara.

Sebagai sebuah organisasi yang menjadi pemacu pembangunan penempatan para peneroka yang terbesar di dunia, FELDA meletakkan integriti sebagai satu daripada nilai teras utama dalam semua urusan operasinya. Amalan integriti dan governans terbaik di samping kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan merupakan benteng yang akan memastikan perlakuan jenayah rasuah dapat dihindari dari meresap ke dalam budaya organisasi.

Oleh yang demikian, Polisi Perangi Jenayah Rasuah FELDA ini telah dijenamakan semula dengan memberi fokus kepada elemen-elemen memerangi jenayah rasuah sebagai panduan kepada semua petugas FELDA, Ahli Lembaga Pengarah FELDA, pihak berkepentingan dalam FELDA dan rakan perniagaan FELDA untuk mengetahui dan memahami kesalahan-kesalahan jenayah rasuah dan lain-lain jenayah yang ada kaitan dengan jenayah rasuah. Di samping itu, memberi panduan kepada petugas FELDA melaporkan jenayah rasuah dan perlindungan kepada pemberi maklumat atau aduan di sisi undang-undang.

Polisi ini telah disemak dan ditambah baik bagi menggantikan Polisi Anti Rasuah dan Penyelewengan 2018 dan Polisi Pemberi Maklumat Edisi Kedua 2018.

## OBJEKTIF

Objektif Polisi Perangi Jenayah Rasuah FELDA adalah seperti berikut:

- a) Memberi kefahaman dan kesedaran mengenai bentuk-bentuk kesalahan jenayah rasuah;
- b) Memberi panduan tentang bagaimana untuk memberi maklumat atau aduan berkaitan perbuatan jenayah rasuah; dan
- c) Memberi jaminan kepada pemberi maklumat bahawa aduan yang diberikan akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

“ —

*Barang siapa membeli baju sepuluh dirham,  
sedangkan satu dirham sahaja daripada yang  
sepuluh itu berasal daripada sumber haram,  
maka Allah SWT tidak akan menerima solat  
orang tersebut selama baju itu  
masih dipakainya*

*(Hadis Riwayat Ahmad)*

”

# PEMAKAIAN POLISI

Polisi ini terpakai kepada semua petugas FELDA, Ahli Lembaga Pengarah FELDA, pihak berkepentingan dalam FELDA dan rakan perniagaan FELDA.

Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605); Kod Etika dan Tatalaku Petugas FELDA; dan mana-mana polisi, peraturan dan prosedur FELDA yang sedang diguna pakai serta undang-undang di Malaysia seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694), Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Syarikat 2016 (Akta 777), Akta Persaingan 2010 (Akta 712), Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan lain-lain undang-undang atau peraturan yang berkaitan.

Semua kesalahan jenayah rasuah serta peraturan dan liabiliti yang dinyatakan di dalam Polisi ini adalah merupakan kesalahan yang ditegah di bawah undang-undang dan peraturan Kerajaan dan FELDA. Semua individu adalah dilarang melakukan atau terlibat dan bersubahat dengan kesalahan-kesalahan tersebut. Sebarang perlakuan jenayah rasuah serta kegagalan mematuhi peraturan-peraturan yang dinyatakan di dalam Polisi ini boleh menyebabkan mana-mana individu diambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang dan tatatertib.



# DEFINISI

Definisi terma yang digunakan dalam Polisi ini membawa maksud seperti berikut:

TERMA	DEFINISI
Agensi penguatkuasa undang-undang	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, SPRM dan lain-lain.
Ahli Lembaga Pengarah FELDA	Seseorang yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FELDA dan termasuklah mana-mana orang yang dilantik sebagai Ahli dalam mana-mana Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah FELDA.
Ketua Jabatan	Ketua Jabatan ialah seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu jabatan, bahagian, unit atau cawangan sesuatu badan berkanun, dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga untuk menjalankan fungsi-fungsi seorang Ketua Jabatan bagi apa-apa tempoh masa.
Petugas FELDA	Seseorang yang dilantik bekerja untuk FELDA secara tetap, sementara, pinjaman atau kontrak termasuklah Ahli Lembaga Pengarah.
Badan Awam	Menurut Seksyen 3 Akta SPRM 2009 (Akta 694), pihak-pihak berikut adalah ditakrifkan sebagai badan awam: a) Sesuatu pihak berkuasa berkanun;  b) Mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah sub seksyen 7 (1) Akta Pertubuhan 1966;

TERMA	DEFINISI
Badan Awam	<p>c) Mana-mana badan sukan yang didaftarkan di bawah Seksyen 17 Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576);</p> <p>d) Mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah Seksyen 7 Akta Koperasi 1993 (Akta 502);</p> <p>e) Mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah Seksyen 12 Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262);</p> <p>f) Mana-mana pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah Seksyen 9 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668); dan</p> <p>g) Mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau dalamnya mana-mana badan awam yang disebutkan seperti di atas mempunyai kawalan atau kepentingan.</p>
Pegawai Badan Awam	<p>Berdasarkan kepada definisi badan awam, petugas FELDA, Ahli Lembaga Pengarah FELDA dan pihak berkepentingan dalam FELDA adalah disifatkan sebagai pegawai badan awam mengikut tafsiran Seksyen 3 Akta SPRM 2009 (Akta 694).</p> <p>Oleh yang demikian, mana-mana individu yang ditakrifkan sebagai pegawai badan awam boleh diambil tindakan atas kesalahan-kesalahan khusus yang diperuntukkan kepada penjawat awam di bawah Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan Kanun Keseksaan (Akta 574).</p>

POLISI PERANGI JENAYAH RASUAH

TERMA	DEFINISI
Pihak berkepentingan dalam FELDA	Organisasi yang ditubuhkan oleh FELDA seperti anak syarikat, Yayasan, Kelab Sukan, Pertubuhan, Persatuan dan Kesatuan Sekerja, termasuklah petugas dan Ahli Lembaga Pengarahnya.
Polisi	Merujuk kepada Polisi Perangi Jenayah Rasuah ini.
Rakan perniagaan	Pembekal, kontraktor, juru perunding atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan FELDA dan pihak berkepentingan dalam FELDA.
Saudara	Tafsiran Saudara adalah sepertimana maksud di bawah Seksyen 3 Akta SPRM 2009 (Akta 694).
Sekutu	Tafsiran Sekutu adalah sepertimana maksud di bawah Seksyen 3 Akta SPRM 2009 (Akta 694).

# BAHAGIAN 1

- BAB 1 JENIS-JENIS KESALAHAN JENAYAH RASUAH**
- BAB 2 KESALAHAN BERKAITAN JENAYAH RASUAH**
- BAB 3 KESALAHAN LAIN SELAIN JENAYAH RASUAH**

## BAB 1

# JENIS-JENIS KESALAHAN JENAYAH RASUAH

Ada lima jenis kesalahan utama melibatkan perlakuan jenayah rasuah iaitu;

### **1) KESALAHAN MEMINTA ATAU MENERIMA SUAPAN RASUAH**

Suapan rasuah dalam bentuk menerima atau meminta suapan rasuah melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) dan 17(a) Akta SPRM 2009 secara umum menjelaskan mengenai mana-mana orang atau ejen secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju menerima suapan rasuah seperti wang, barang berharga atau apa-apa perkhidmatan sebagai dorongan ataupun upah untuk melakukan atau tidak melakukan transaksi tersebut atau urusan rasmi majikan atau prinsipal. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Seorang petugas FELDA menerima wang tunai berjumlah RM5,000 daripada syarikat kontraktor bagi mempercepatkan pembayaran tuntutan kerja kontrak yang dibuat oleh syarikat tersebut.
- b) Seorang petugas FELDA telah menerima satu set golf bernilai RM5,000 daripada seorang kontraktor sebagai upah meluluskan kontrak pembinaan dewan semai bakti.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tatatertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana yang tinggi.
Peraturan 3(2)(a), (b), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tata tertib sehingga buang kerja sekiranya didapati bersalah melakukan jenayah rasuah.

## 2) KESALAHAN MENAWARKAN ATAU MEMBERI SUAPAN RASUAH

Suapan rasuah dalam bentuk menawar atau memberi suapan rasuah di bawah Seksyen 16(b)(B) dan 17(b) Akta SPRM 2009 secara umumnya menyatakan mana-mana orang atau ejen secara rasuah menawar atau memberi atau bersetuju memberi suapan seperti wang, barang berharga atau apa-apa perkhidmatan sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa berkaitan dengan transaksi tersebut atau berkaitan urusan rasmi majikan atau prinsipal berkenaan adalah melakukan suatu kesalahan. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Seorang pemilik syarikat pembekal didapati bersalah kerana menawarkan pakej percutian ke luar negara yang bernilai RM15,000 kepada petugas FELDA sebagai balasan supaya meluluskan kontrak bekalan kepada syarikat tersebut.
- b) Seorang pengarah syarikat ditangkap dan didakwa di mahkamah kerana menawarkan suapan rasuah RM10,000 kepada seorang pegawai FELDA sebagai balasan untuk mendapatkan kelulusan pembekalan anak pokok sawit.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana yang tinggi.

### **3) KESALAHAN MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU**

Satu kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009 iaitu secara ringkas bermaksud mana-mana orang dengan disedarinya memberikan atau mengemukakan kepada seseorang ejen atau seseorang ejen menggunakan dengan niat memperdayakan prinsipalnya apa-apa dokumen, resit atau akaun yang mempunyai nilai kewangan yang mengandungi butir-butir palsu, khilaf atau tidak lengkap dengan tujuan untuk mengelirukan atau memperdayakan prinsipalnya. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Syarikat pembekal yang dilantik telah menghantar barang tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti seperti yang dinyatakan dalam kontrak bekalan. Seorang petugas FELDA pula telah bersubahat dengan mengesahkan barang-barang itu diterima sepenuhnya walaupun mengetahui perkara tersebut adalah tidak benar.
- b) Seorang petugas FELDA telah mengemukakan tuntutan palsu resit penginapan hotel bernilai RM150 semalam selama 3 hari 2 malam yang dibeli dari hotel, tetapi hakikat sebenarnya beliau menginap di rumah saudaranya yang layak tuntut elaun lojing sahaja.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tatatertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana yang tinggi.
Peraturan 3(2)(f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tatatertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan atau bersubahat mengemukakan tuntutan palsu.
Pelanggaran Prosedur Manual Perolehan FELDA	Bon pelaksanaan dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender atau diberi kerja kontrak sekiranya mana-mana syarikat didapati terlibat dengan kesalahan jenayah rasuah.


#### 4) MENYALAHGUNAKAN JAWATAN DAN KEDUDUKAN

Satu kesalahan di bawah Seksyen 23, Akta SPRM 2009 iaitu satu kesalahan yang dikaitkan dengan mana-mana pegawai badan awam yang menyalahgunakan jawatan atau kedudukannya untuk mendapat faedah kewangan atau faedah lain apabila beliau membuat apa-apa keputusan atau mengambil apa-apa tindakan mengenai dirinya, mana-mana saudaranya atau sekutunya yang mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung.

Menurut Seksyen 3 Akta SPRM 2009 (Akta 694), saudara ditakrifkan seperti berikut:

- a) Isteri atau suami orang itu ;
- b) Adik atau abang atau kakak orang itu ;
- c) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu ;
- d) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;

- e) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan adik atau abang atau kakak orang itu ;
- f) Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu ;
- g) Menantu orang itu ;



Carta Aliran Definisi "Saudara"

Maksud sekutu pula dikaitkan dengan mana-mana orang yang merupa penama atau pekerja orang itu, mana-mana orang yang mengurus hal ehwal orang itu, mana-mana organisasi yang orang itu mempunyai kepentingan dalam urusan perniagaan atau pemegang amanah kepada orang itu. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- Seorang individu yang dilantik sebagai pengurus Jawatankuasa Tender telah terlibat dalam membuat keputusan yang meluluskan suatu tender membina dewan yang berjumlah RM800,000 kepada syarikat yang dimiliki oleh sepupunya.
- Seorang pegawai jabatan didapati bersalah oleh mahkamah kerana memecah-kecilkan kerja yang sepatutnya dikeluarkan tender tetapi dipecah-kecil kepada sebut harga dengan niat untuk diluluskan kontrak itu kepada syarikat sekutunya. Hal ini kerana pegawai tersebut hanya ada kuasa mempergerusikan Jawatankuasa Perolehan Jabatan.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tatatertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana yang tinggi.
Peraturan 3(2)(a), (b), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tatatertib sehingga buang kerja sekiranya didapati bersalah melakukan jenayah rasuah.

## 5) LIABILITI KORPORAT

Mulai pada 1 Jun 2020, Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018 berkuat kuasa dan Seksyen ini lebih dikenali nama ‘liabiliti korporat’ kerana organisasi komersial juga mempunyai liabiliti dan boleh dihukum sekiranya pekerja atau kakitangannya terlibat dengan jenayah rasuah berpunca daripada arahan atau bertindak bagi pihak organisasi komersial itu.

Mengikut Seksyen 17A (1), Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018 ialah Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jenayah rasuah jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat;

- a) Memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
- b) Memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

Mengikut Seksyen 17A(8), Akta ini definisi “organisasi komersial” iaitu organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016; perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961; perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan syarikat luar negara yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

Manakala Seksyen 17A (6) Akta ini pula membawa maksud **seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial** pula menjelaskan, mana-mana individu yang mana perbuatan jenayah rasuah mereka itu boleh menyebabkan organisasi komersial itu didakwa kerana melakukan jenayah rasuah. Bagi maksud kesalahan di bawah Akta ini, ada dua kategori individu iaitu;

- a) Individu yang berada dalam organisasi dan mempunyai hubungan langsung dengan organisasi iaitu pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi.
- b) Individu yang melaksanakan tugas atau perkhidmatan bagi pihak organisasi komersial tersebut seperti perunding kepada organisasi komersial atau proksi atau 'orang tengah' yang dilantik oleh organisasi komersial itu.

### **Siapa Yang Boleh Dihukum?**

Mana-mana organisasi komersial yang terlibat dengan jenayah rasuah. **Ada tiga golongan yang akan dihukum** sekiranya didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 17A (1) Akta ini iaitu;

- a) Individu yang melakukan jenayah rasuah secara langsung. Iaitu orang yang secara langsung menawarkan atau memberi suapan rasuah kepada pihak berkuasa;
- b) Individu yang mempunyai hubungan langsung dalam organisasi komersial yang mengarahkan atau membenarkan perlakuan jenayah rasuah itu dibuat seperti Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Urusan, mana-mana Ahli Lembaga Pengarah atau mana-mana pihak dalam organisasi komersial; dan
- c) Organisasi komersial itu sendiri secara keseluruhan mempunyai akauntabiliti kerana semua pihak bertindak di Para (a) dan (b) di atas untuk kepentingan atau keuntungan organisasi itu sendiri.

Hukuman bagi kesalahan jenayah rasuah oleh organisasi komersial, sekiranya didapati bersalah, organisasi komersial atau individu yang terlibat boleh:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 17A(2) Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018	Denda tidak kurang 10 kali ganda nilai suapan atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi; atau dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun; atau kedua-duanya sekali.

Sejak Seksyen 17A, Akta ini berkuatkuasa, belum ada kes mana-mana orang atau syarikat yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah. Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang mengenai kesalahan jenayah rasuah oleh organisasi komersial di luar negara bukan sesuatu yang baharu. Contohnya, peruntukan ini wujud dalam *UK Bribery Act 2010* dan *Foreign Corrupt Practices Act 1977* (FCPA) di Amerika Syarikat. Malah, Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018 banyak mengadaptasi Seksyen 7 *UK Bribery Act 2010*. Contoh kes-kes melibatkan kesalahan liabiliti korporat luar negara seperti berikut;

- a) Rolls-Royce didakwa membayar jutaan pound bagi memperoleh kontrak kejuruteraan awam dan ketenteraan di beberapa buah negara. Rasuah dibayar oleh pegawai Rolls-Royce sendiri atau melalui orang tengah, dari tahun 1999 sehingga 2013. Pada Januari 2017, melalui prosiding *Deferred Prosecution Agreement* (DPA), Rolls-Royce bersetuju membayar penalti sebanyak £671 juta bagi mengelakkan pendakwaan oleh pihak berkuasa United Kingdom, Amerika Syarikat dan Brazil. Walaupun Rolls-Royce telah dikenakan penalti, perkara itu tidak menghalang individu yang terlibat didakwa di mahkamah. Pada November 2018, tiga bekas pegawai Rolls-Royce dan seorang pekerja syarikat perunding yang bertindak bagi pihak Rolls-Royce mengaku bersalah atas dakwaan rasuah. Turut didakwa adalah '*orang tengah*' yang dilantik oleh Rolls-Royce. (JKDA: 19/3/2019)
- b) Syarikat Alstom merupakan pemain utama dalam industri janakuasa tenaga dan pembinaan landasan keretapi. Syarikat Alstom disyaki menggunakan suapan rasuah untuk mendapatkan kontrak di beberapa buah negara. Dalam bulan November 2011, anak syarikat Alstom di Switzerland bersetuju membayar denda USD42.7 juta kepada agensi penguatkuasa Switzerland bagi menyelesaikan dakwaan jenayah rasuah tersebut. Selain itu, dua orang eksekutif Alstom telah dituduh di mahkamah kerana merasuah pegawai kerajaan Indonesia untuk mendapatkan kontrak berkaitan perkhidmatan janakuasa elektrik milik kerajaan Indonesia. Seorang lagi eksekutif Alstom didakwa di bawah *Foreign Corrupt Practices Act 1977* dan kesalahan pengubahan wang haram. (JKDA: 19/3/2019).

## BAB 2

# KESALAHAN BERKAITAN DENGAN JENAYAH RASUAH

Ada tujuh jenis kesalahan berkaitan dengan perlakuan yang membawa kepada perbuatan jenayah rasuah atau kesalahan-kesalahan lain yang ada kaitan dengan jenayah rasuah atau pelanggaran undang-undang di bawah Akta SPRM 2009, selain daripada bentuk-bentuk kesalahan utama jenayah rasuah, iaitu;

### 1) PENARIKAN BALIK TENDER

Seorang individu menawarkan rasuah kepada mana-mana syarikat yang telah memasuki tender untuk menarik balik tender tersebut supaya syarikatnya mendapat peluang lebih tinggi bagi mendapatkan tender itu.

Penarikan balik tender juga berlaku apabila syarikat yang telah memasuki tender meminta atau menerima rasuah daripada mana-mana pihak bagi menarik balik tender yang dimasukinya bagi memberi peluang lebih tinggi kepada pihak tersebut mendapatkan tender itu. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Syarikat ABC Sdn. Bhd. telah menawarkan rasuah RM100,000 setiap satu kepada tiga buah syarikat kontraktor lain untuk menarik balik tender kerja membina dewan yang telah dimasuki oleh ketiga-tiga syarikat itu bagi membolehkan syarikat ABC Sdn. Bhd. berpeluang mendapat kontrak tender berkenaan.
- b) Dua buah syarikat pembekal telah meminta rasuah RM10,000 setiap satu daripada sebuah syarikat untuk menarik balik sebut harga bagi kerja pembekalan benih tanaman yang telah dimasuki oleh syarikat-syarikat itu bagi memberi peluang kepada syarikat tersebut mendapat kontrak kerja berkenaan.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 20 Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana yang tinggi.
Pelanggaran Prosedur Manual Perolehan FELDA	Deposit tender dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak.

## 2) GAGAL MELAPORKAN PENAWARAN RASUAH

Mana-mana individu yang diberikan, dijanjikan atau ditawarkan rasuah atau pun telah diminta rasuah hendaklah melaporkan perkara ini kepada SPRM atau Pegawai SPRM di Unit Integriti FELDA. Kegagalan melaporkan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan individu tersebut didakwa sebagai melakukan suatu kesalahan.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 25(1) dan 25(3) Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya; atau denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya;
Seksyen 202 Kanun Kesekeaan (Akta 574)	Penjara tidak melebihi 6 bulan atau denda atau kedua-duanya

KESALAHAN	HUKUMAN
Peraturan 3(2)(a), (b), (c) (i), (c)(ii), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkunun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tatatertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan jenayah rasuah.

### 3) PEMILIKAN HARTA BERLEBIH-LEBIHAN

Mana-mana individu yang sedang disiasat dan dikehendaki mengisytiharkan semua harta yang dimiliki olehnya atau yang dia mempunyai kepentingan di dalam atau di luar negara kepada SPRM boleh diminta untuk memberikan penjelasan kepada Suruhanjaya tersebut bagaimana individu berkenaan mampu memiliki harta yang dipercayai bersifat berlebih-lebihan. Sekiranya individu berkenaan gagal memberikan penjelasan yang memuaskan boleh menyebabkan individu tersebut didakwa sebagai melakukan suatu kesalahan.

Hukuman bagi kesalahan ini ialah penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai harta berlebih-lebihan mengikut mana yang tinggi [Seksyen 36(3) Akta SPRM 2009 (Akta 694)]. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Seorang petugas FELDA telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana memiliki harta seperti sebuah rumah banglo dan 3 buah kereta mewah yang mana jumlah harta tersebut tidak setara atau melebihi pendapatan yang diterimanya. Kesalahan ini dilakukan lanjutan daripada siasatan SPRM yang mengesyaki petugas tersebut telah menerima suapan rasuah daripada kontraktor yang terlibat dalam projek di FELDA.
- b) Petugas FELDA telah didapati harta yang diisytiharkan olehnya adalah berlebihan berbanding jumlah pendapatan yang sah telah diminta memberikan pernyataan bersumpah kepada SPRM bagi menjelaskan bagaimana harta berlebihan tersebut telah diperoleh. Walau bagaimanapun, beliau telah gagal memberikan pernyataan bersumpah dan telah dikenakan hukuman.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 36(3) Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai harta berlebih-lebihan mengikut mana yang tinggi.
Peraturan 3(2)(a), (b), (c) (i), (c)(ii), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkawan (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tata tertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan jenayah rasuah.

#### 4) PERSUBAHATAN DALAM AKTIVITI RASUAH

Persubahatan adalah perbuatan seperti menghasut atau mengarahkan seseorang individu untuk melakukan suatu kesalahan; atau seorang individu itu sendiri mengambil bahagian atau membantu dalam suatu kesalahan rasuah.

Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Seorang Ketua Pegawai eksekutif (CEO) GLC didakwa bersubahat dengan anaknya dengan menerima suapan berjumlah RM200,000 daripada Syarikat ABC Holdings Sdn Bhd yang mana anaknya ada kepentingan dalam syarikat tersebut. Persubahatan dilakukan oleh CEO tersebut dengan meluluskan kontrak perolehan kepada syarikat itu.
- b) Seorang pensyarah sebuah universiti awam telah didakwa atas pertuduhan bersubahat untuk mendapatkan suapan apabila mencadangkan lantikan syarikat milik adik iparnya kepada Jawatankuasa Tender untuk kerja membekal dan menghantar set medal, set medal tambahan dan kit cenderahati serta piala bagi sebuah pertandingan di universiti itu bernilai RM8000.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 28 Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan Seksyen 107 Kanun Keseksaan (Akta 574)	Hukuman sama seperti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu
Peraturan 3(2) (a), (b),(c) (ii), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkawan (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tata tertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan atau bersubahat melakukan jenayah.
Pelanggaran Prosedur Manual Perolehan FELDA	Bon pelaksanaan dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak

## 5) PEMUSNAHAN KETERANGAN ATAU DOKUMEN

Pemusnahan keterangan berlaku apabila seseorang individu menyebabkan suatu keterangan berkaitan kesalahan jenayah itu hilang dengan tujuan untuk mengelakkan dirinya atau seorang pesalah lain daripada dikenakan hukuman undang-undang.

Pemusnahan dokumen pula berlaku apabila seseorang individu menyorokkan atau memusnahkan sesuatu dokumen yang menjadi suatu keterangan atau bukti di sisi undang-undang. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- Seorang individu telah memusnahkan atau menghilangkan dokumen yang sepatutnya digunakan sebagai bahan bukti untuk kes jenayah rasuah yang sedang dalam siasatan SPRM untuk mengelakkan dokumen tersebut digunakan sebagai barang kes berkaitan penerimaan wang rasuah olehnya.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 201 Kanun Kesekeaan (Akta 574)	Penjara sehingga 3 tahun dan denda.
Seksyen 203 dan 204 Kanun Kesekeaan (Akta 574)	Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya.
Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tata tertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan kesalahan berkaitan jenayah rasuah.

## 6) MEMBUAT PERNYATAAN YANG PALSU ATAU MENGELIRUKAN

Mana-mana orang yang membuat pernyataan palsu atau dimaksudkan untuk mengelirukan atau tidak selaras dengan apa-apa pernyataan lain kepada pegawai SPRM atau pendakwa raya adalah melakukan satu kesalahan. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Seorang individu memberikan keterangan palsu berkaitan siasatan yang dijalankan oleh agensi penguat kuasa undang-undang atau Unit Integriti FELDA untuk mengelakkan rakan sejawatnya daripada disabitkan dengan kesalahan tersebut.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 27 Akta SPRM 2009 (Akta 694).	Penjara tidak lebih 10 tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali.
Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tatatertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah oleh mahkamah kerana melakukan kesalahan berkaitan pernyataan palsu.

## 7) KESALAHAN MENGGUNAKAN, MEMEGANG, MENERIMA ATAU MENYEMBUNYIKAN HASIL SUAPAN RASUAH

Mana-mana orang bagi pihak dirinya atau bagi pihak orang lain sama ada di dalam atau di luar Malaysia membuat atau menyebabkan apa-apa urusan berhubung dengan apa-apa harta yang diperoleh secara rasuah sama ada harta tersebut digunakan, dipegang, diterima atau disembunyikan adalah menjadi suatu kesalahan rasuah di bawah Seksyen 48 Akta SPRM 2009.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 48 Akta SPRM 2009 (Akta 694).	Penjara tidak lebih 2 tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali.
Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tatatertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah oleh mahkamah kerana menggunakan, memegang, menerima atau menyembunyikan hasil jenayah rasuah.

## 8) KESALAHAN JENAYAH RASUAH DI LUAR MALAYSIA

Kesalahan jenayah rasuah oleh mana-mana warganegara yang dilakukan di luar negara adalah juga disifatkan sebagai menjadi suatu kesalahan seolah-olah ianya telah dilakukan di dalam negara seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 66(1) Akta SPRM 2009 (Akta 694).

## 9) PENYITAAN DAN PELUCUTHAKAN HARTA

Mana-mana wang, barang atau apa-apa harta yang menjadi hal suatu kesalahan rasuah boleh disita dan dilucuthakan sama ada melalui pendakwaan atau pun tanpa pendakwaan [Seksyen 33(1), 37(1), 38(1), 40(1) dan 41(1) Akta SPRM 2009 (Akta 694)].

Mana-mana harta yang diperoleh atau perniagaan yang dibuat dengan menggunakan hasil daripada kesalahan rasuah juga boleh disita dan dilucuthakan sama ada melalui pendakwaan atau pun tanpa pendakwaan di bawah Seksyen 50(1), 51(1), 52(1), 55(1) dan 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

“  
*Sesungguhnya Allah SWT mengasih  
hambaNya yang berusaha berpenat lelah  
mencari rezeki yang halal.*  
(Hadis Riwayat Ad-Dailami) ”

## BAB 3

# KESALAHAN-KESALAHAN LAIN SELAIN JENAYAH RASUAH

Selain daripada kesalahan utama jenayah rasuah sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta SPRM 2009. SPRM juga boleh menjalankan siasatan selain kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 seperti kesalahan jenayah penipuan, pecah amanah jenayah, pemalsuan dokumen dan lain-lain kesalahan jenayah yang lain yang termaktub di bawah Kanun Keseksaan, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) atau undang-undang lain.

SPRM boleh memulakan siasatan tersebut dalam keadaan di mana apabila kes-kes siasatan yang dijalankan oleh SPRM pada awalnya disyaki berlaku kesalahan jenayah rasuah tetapi siasatan lanjut mendapatkan berlaku kesalahan jenayah lain. Di antara bentuk kesalahan jenayah selain jenayah rasuah seperti berikut:

### **1) MENERIMA BARANGAN BERHARGA ATAU HADIAH TANPA PERTIMBANGAN MUNASABAH**

Seksyen 165 Kanun Keseksaan menjelaskan bahawa seseorang pegawai awam dikatakan menerima rasuah sekiranya memperoleh sebarang benda, barang atau harta yang berharga tanpa balasan atau pertimbangan sewajarnya. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Bekas MB Selangor, Dr Mohd Khir Toyo didapati bersalah oleh Mahkamah Persekutuan Putrajaya dan dihukum penjara 12 bulan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan kerana telah mendapatkan untuk dirinya dan isterinya dua lot tanah dan sebuah rumah di Shah Alam daripada syarikat Ditamas Sdn Bhd dengan harga RM 3.5 juta sedangkan hartanah tersebut

telah dibeli oleh syarikat Ditamas Sdn Bhd pada tahun 2004 dengan harga RM6.5 juta. Pada masa itu, beliau mengetahui bahawa Shamsudin Bin Hayroni iaitu Pengarah Ditamas Sdn Bhd mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasminya.  
(BH Online: 29 September 2015)

- b) Seorang Penolong Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Johor telah menerima untuk dirinya wang tunai RM30,000 dengan tiada balasan yang mana diketahui ada hubungan dengan tugas rasminya sebagai pegawai penyelia projek di RAPID, Pengerang. Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000 dan sekiranya gagal bayar denda tersebut, akan dikenakan hukuman penjara 14 bulan.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tatatertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 165 Kanun Kesekeaan (Akta 574)	Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya.
Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tatatertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan kesalahan berkaitan jenayah tersebut.

## 2) PENGUBAHAN WANG HARAM

Pengubahan wang haram adalah satu tindakan atau aktiviti penukaran wang atau nilai harta lain yang diperoleh dari aktiviti haram di sisi undang-undang seperti jenayah rasuah, pengedaran dadah, perdagangan senjata haram, pemerdagangan manusia, samun, jenayah dan kegiatan pelacuran kepada wang atau pelaburan yang kelihatan sah daripada segi undang-undang. Aktiviti itu dijalankan supaya sumber wang haram dan nilai-nilai material yang lain tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa.

Kesalahan pengubahan wang haram dikuatkuasakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613). (AMLATFPUAA 2001)

Cara pengubahan wang haram adalah melalui perbuatan menempat, menghantar, membayar, membelanja, membawa ke luar negara, menukar atau perbuatan lainnya atas harta yang diperoleh hasil tindakan jenayah dengan maksud menyembunyikan atau membersihkan harta haram itu seolah-olah menjadi harta yang sah di sisi undang-undang.


AMLATFPUAA 2001 mendefinisikan aktiviti pengubahan wang haram di bawah Seksyen 3, sebagai perbuatan seseorang yang:

- a) Melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada apa-apa aktiviti haram;
- b) Memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan, menggunakan, mengalihkan dari atau membawa masuk ke Malaysia hasil daripada apa-apa aktiviti haram; atau
- c) Merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian siMat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada apa-apa aktiviti haram.

Pengubahan wang haram bukan sahaja boleh menjelaskan kestabilan dan keutuhan keselamatan sesebuah negara, ia juga akan menggugat perkembangan ekonomi dan sistem kewangan negara terutamanya negara membangun seperti Malaysia. Contoh kesalahan di bawah AMLATFPUAA 2001 adalah seperti berikut:

- a) Seorang bekas Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat swasta dihadapkan ke Mahkamah Seksyen Johor Bahru, hari ini atas dua pertuduhan melakukan kesalahan pecah amanah kira-kira RM1.2 juta dan pengubahan wang haram berjumlah RM205,000 berhubung hasil royalti pasir syarikat.

- b) Mahkamah Rayuan Putrajaya telah menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun dan denda RM1.75 juta ke atas seorang pegawai kanan polis berpangkat Superintenden yang disabitkan dengan empat pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah kira-kira RM3.8 juta daripada tauke judi. Mahkamah turut memerintahkan harta beliau bernilai kira-kira RM6.0 juta dilucutkan di bawah akta itu.



### Ilustrasi Pengubahan Wang Haram

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tatatertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 4(1), Akta AMLATPUA 2001	Denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara tidak melebihi Lima Tahun atau kedua-duanya.
Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tatatertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan kesalahan berkaitan jenayah tersebut.

### 3) PENIPUAN

Penipuan berlaku apabila seseorang individu telah memperdayakan mana-mana orang sehingga menyebabkan orang itu menyerahkan hartanya kepada individu tersebut atau kepada pihak lain. Harta di sini termasuklah apa-apa harta tanah, wang, cagar dan berharga dan sebagainya.

Penipuan juga berlaku apabila seseorang individu yang secara tidak jujur telah menyembunyikan suatu fakta atau pernyataan sehingga suatu harta diserahkan kepada individu tersebut atau kepada pihak lain. Penyembunyian ini ditakrifkan sebagai memperdayakan. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Seorang petugas FELDA secara tidak jujur dengan niat menipu fakta berkaitan kesesuaian projek ternakan, sekiranya cadangan tersebut diluluskan kepada syarikat yang dicadangkan untuk menjalankan projek tersebut, FELDA diyakinkan oleh petugas tersebut akan mendapat keuntungan yang besar jika meluluskan dana bagi melaksanakan projek tersebut. FELDA telah meluluskan projek tersebut tetapi projek tersebut sebenarnya tidak menguntungkan FELDA. Sebaliknya petugas dan syarikat tersebut telah mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan daripada projek yang tidak berdaya maju itu.
- b) Seorang petugas FELDA di pejabat rancangan telah menipu jumlah sebenar pengeluaran baja dari stok yang kononnya digunakan untuk kerja pembajaan kebun peneroka. Di mana baja tersebut sebaliknya telah dijual kepada pihak luar dan hasil jualan tersebut digunakan untuk kepentingan petugas tersebut.
- c) Seorang petugas FELDA telah memperdayakan seorang ahli perniagaan berhubung pajakan tanah kelapa sawit milik FELDA menyebabkan ahli perniagaan tersebut menyerahkan wang pendahuluan pajakan berjumlah RM50,000 sedangkan petugas tersebut tiada kuasa meluluskan pajakan tersebut.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 415 Kanun Kesekeaan (Akta 574)	Penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya.
Seksyen 420 Kanun Kesekeaan (Akta 574)	Penjara tidak kurang dari 1 tahun dan tidak melebihi 10 tahun dan sebatan dan denda.
Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tata tertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan kesalahan berkaitan jenayah penipuan itu.
Manual Perolehan FELDA	Bon Pelaksanaan dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak

**Penipuan bidaan** berlaku apabila dua atau lebih syarikat atau individu berpaktat dalam menetapkan harga bidaan tender atau sebut harga dan bersetuju sesama mereka dalam menentukan siapakah yang akan berjaya dalam bidaan tersebut.

Penipuan bidaan juga berlaku apabila syarikat atau individu menggunakan syarikat-syarikat lain dalam mengemukakan tender atau sebut harga. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Sebuah syarikat TUV Sdn. Bhd. telah berpaktat dengan tiga buah syarikat lain untuk memasuki tender membekalkan komputer. Dalam pakatan ini telah ditentukan syarikat TUV Sdn. Bhd. akan membuat bidaan pada harga yang rendah dengan spesifikasi yang baik berbanding tiga buah syarikat yang lain bagi memastikan syarikat pembekal itu berjaya dalam bidaan tender ini.

- b) Pengurus A, pemilik Syarikat DEF Sdn. Bhd. bersubahat dengan petugas FELDA telah mengemukakan tiga sebut harga pemberian pejabat di mana kesemua syarikat tersebut merupakan syarikat milik A dan rakan kongsinya.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 4(2)(d) Akta Persaingan 2010 (Akta 712)	Penalti kewangan tidak melebihi 10% daripada pusing ganti (turnover).
Pelanggaran Prosedur Manual Perolehan FELDA	Bon Pelaksanaan dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak.

#### 4) PECAH AMANAH JENAYAH

Pecah amanah jenayah berlaku apabila seseorang individu yang diamanahkan dengan sesuatu harta telah secara tidak jujur menyalahgunakan atau menjadikan harta tersebut sebagai kegunaan diri sendiri.

Pecah amanah jenayah juga berlaku apabila seseorang individu yang diamanahkan untuk mengawal, menjaga, mengurus, mentadbir atau mengendali sesuatu harta telah secara tidak jujur mengguna atau melepaskan harta tersebut secara bertentangan dengan mana-mana arahan undang-undang yang menetapkan kaedah bagaimana harta itu sepatutnya digunakan atau dilepaskan. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Seorang petugas FELDA yang dilantik sebagai Bendahari masjid di rancangan FELDA telah pecah amanah wang tunai sumbangan penderma berjumlah RM5000 untuk program masjid tetapi petugas tersebut tidak memasukkan wang tersebut ke dalam akaun masjid sebaliknya telah digunakan untuk kepentingan peribadinya sendiri.

- b) Seorang pegawai kanan FELDA telah disabitkan kesalahan kerana melakukan pecah amanah dengan melupuskan dan meluluskan pembayaran wang berjumlah RM30 juta kepada satu syarikat pelaburan luar negara untuk pelaksanaan projek di FELDA tanpa kelulusan Lembaga Pengarah FELDA atau Jawatankuasa Tender FELDA.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 405 Kanun Kesejahteraan (Akta 574)	Penjara tidak melebihi 10 tahun dan sebatan dan denda.
Seksyen 407 Kanun Kesejahteraan (Akta 574)	Penjara tidak kurang dari 1 tahun dan tidak melebihi 10 tahun dan sebatan dan denda.
Seksyen 408 Kanun Kesejahteraan (Akta 574)	Penjara tidak kurang dari 1 tahun dan tidak melebihi 14 tahun dan sebatan dan denda.
Seksyen 409 Kanun Kesejahteraan (Akta 574)	Penjara tidak kurang dari 2 tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan sebatan dan denda.
Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tata tertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan kesalahan tersebut.

## 5) PEMALSUAN

Pemalsuan melibatkan perbuatan membuat suatu dokumen palsu, membuat tandatangan palsu, mengubah atau memadam sesuatu dokumen, memperdayakan seseorang untuk menandatangani atau mengubah sesuatu dokumen.

Dokumen di sini adalah termasuk apa-apa rekod perakaunan atau kira-kira jabatan.

Pemalsuan juga berlaku apabila seseorang individu yang mengetahui bahawa sesuatu dokumen itu adalah palsu dan menggunakan dokumen itu untuk tujuan menipu. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- Seorang petugas FELDA telah meniru tandatangan ketuanya pada dokumen bayaran kerja kontrak untuk membolehkan dokumen itu diproses dan diluluskan pembayaran kepada syarikat kontraktor yang dia ada kepentingan.
- Seorang individu meminda tarikh suatu nota serahan barang (*delivery order*) untuk menunjukkan seolah-olah barang tersebut telah diterima pada tarikh itu sedangkan barang itu sebenarnya hanya dibekalkan selepas pembayaran dibuat.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 463 dan Seksyen 471 Kanun Keseksaan (Akta 574)	Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya.
Seksyen 467 Kanun Keseksaan (Akta 574)	Penjara sehingga 20 tahun dan denda.
Seksyen 468 Kanun Keseksaan (Akta 574)	Penjara sehingga 7 tahun dan denda.
Seksyen 477A Kanun Keseksaan (Akta 574)	Penjara sehingga 7 tahun atau denda atau kedua-duanya.

KESALAHAN	HUKUMAN
Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tatatertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan kesalahan berkaitan jenayah tersebut.
Manual Perolehan FELDA	Deposit tender dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak.

## 6) MENCURI HARTA FELDA

Kesalahan mencuri ialah memindahkan secara bersembunyi harta alih seperti perabot, baja, jentera atau perkakasan kerja tanpa persetujuan atau pengetahuan pengurusan FELDA dengan niat untuk mencuri atau menghilangkan harta secara salah untuk kepentingan diri sendiri. Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- a) Seorang petugas FELDA telah mengambil peralatan dan bahan-bahan pertanian milik jabatan tanpa kebenaran dan menjualkannya kepada orang lain.
- b) Seorang petugas FELDA didapati bersalah kerana mencuri kad inden minyak milik jabatan dan menggunakan kad tersebut untuk menjual minyak kepada pihak lain.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tatatertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 403 Kanun Keseksaan (Akta 574)	Penjara tidak kurang dari 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun dan sebatan dan denda.

KESALAHAN	HUKUMAN
Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tatatertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan kesalahan berkaitan jenayah mencuri itu.

## 7) KESALAHAN MENDEDAKAN DOKUMEN ATAU MAKLUMAT TERPERINGKAT

Kesalahan mendedahkan dokumen atau maklumat terperingkat jabatan boleh berlaku apabila seorang individu yang memperoleh sesuatu dokumen atau maklumat rasmi jabatan telah menyerahkan dokumen atau mendedahkan kandungan maklumat tersebut kepada pihak lain yang tidak sepatutnya menerima dokumen atau mengetahui maklumat itu.

Dokumen atau maklumat rasmi jabatan termasuklah yang dikelaskan sebagai *Rahsia Besar, Rahsia, Sulit, Terhad* dan apa-apa dokumen rasmi yang tidak sepatutnya didedahkan kepada mana-mana pihak yang tidak sepatutnya menerima atau mengetahui dokumen atau maklumat tersebut.

Contoh kesalahan adalah seperti berikut:

- Seorang individu telah mendedahkan maklumat berkaitan penilaian tender dan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tender FELDA melalui e-mel atau aplikasi *Whatsapp* kepada kontraktor yang memasuki tender tersebut.
- Seorang individu yang menerima suatu maklumat terperingkat jabatan berkaitan perancangan perolehan atau cadangan tender sesuatu projek dan telah mendedahkan kepada seorang individu lain melalui aplikasi *WhatsApp* seterusnya telah menghantar maklumat itu (*forward*) kepada pihak lain pula yang tidak sepatutnya mengetahui maklumat tersebut.

Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 203A Kanun Keseksaan (Akta 574)	Denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara sehingga 1 tahun atau keduanya.
Peraturan (f) dan (g) Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkawan (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Hukuman tata tertib sehingga buang kerja sekiranya petugas FELDA didapati bersalah melakukan kesalahan jenayah tersebut.

“*Barangsiapa yang memberikan hadiah kepada waliyul Amr untuk melakukan perbuatan yang tidak diperbolehkan (pelanggaran) maka hadiah tersebut haram bagi pemberi dan penerima. Hadiah di sini sama dengan rasuah yang diharamkan*

*(Imam Ibnu Taimiah)*



## **BAHAGIAN 2**

- BAB 1 KEWAJIPAN MELAPORKAN PERBUATAN JENAYAH RASUAH**
- BAB 2 SALURAN MENGEMUKAKAN MAKLUMAT ATAU ADUAN**
- BAB 3 PANDUAN MEMBERI MAKLUMAT ATAU ADUAN JENAYAH RASUAH BERKUALITI**
- BAB 4 PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT**
- BAB 5 TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI FELDA MENGURUSKAN MAKLUMAT**

## BAB 1

# KEWAJIPAN MELAPORKAN PERBUATAN JENAYAH RASUAH

Usaha memerangi jenayah rasuah di FELDA sukar dicapai sekiranya di kalangan warga atau petugas FELDA hanya sekadar mengenal perlakuan jenayah rasuah, tetapi tidak tahu bagaimana caranya untuk melaporkan perbuatan jenayah rasuah yang diketahui atau dilihat berlaku walaupun kejadian itu berlaku di depan kita sekalipun. Pemberi maklumat atau pengadu kes-kes jenayah rasuah juga perlu mengetahui sejauh manakah maklumat atau aduan yang diberikan kepada Unit Integriti FELDA atau SPRM dirahsiakan dan dilindungi oleh undang-undang. Maklumat dan panduan ini penting supaya orang ramai tidak takut atau bimbang tentang keselamatan diri dan keluarga, sekiranya menyalurkan maklumat atau melaporkan perbuatan jenayah rasuah kepada pihak berkuasa.

- a) **Mana-mana Petugas FELDA yang ditawarkan, dijanjikan atau diberikan suapan rasuah** hendaklah melaporkan segera dengan nama atau butir-butir orang yang menawarkan, menjanjikan atau memberikan suapan rasuah itu kepada pegawai SPRM di Unit Integriti FELDA atau mana-mana pejabat SPRM yang berdekatan. **Kegagalan** melaporkan sogokan rasuah itu boleh disabitkan hukuman didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Hal ini diperuntukkan di bawah Seksyen 25(1) dan (2), Akta SPRM 2009.

- b) Mana-mana orang termasuk warga FELDA atau orang awam yang diminta atau diperoleh suapan rasuah oleh mana-mana Petugas FELDA. Anda hendaklah melaporkan segera kepada pegawai SPRM di Unit Integriti FELDA atau mana-mana pejabat SPRM yang berdekatan. **Sekiranya tidak melaporkan sogokan rasuah** tersebut boleh disabitkan hukuman penjara tidak lebih 2 tahun atau denda tidak lebih RM10,000 atau keduanya mengikut Seksyen 25 (3) dan (4), Akta SPRM 2009.

“

*Jawatan itu adalah sebuah amanah, tanggungjawab. Pada hari kiamat dia akan menjadi beban dan penyesalan kecuali jika ditangani oleh yang berhak, tangan-tangan berwibawa serta orang yang bertanggungjawab (amanah)*

*(Hadis Riwayat Imam Ahmad)*

”

## BAB 2

# SALURAN MENGEJELAKAN MAKLUMAT ATAU ADUAN

Untuk memberi maklumat atau aduan kepada Unit Integriti FELDA, terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh warga FELDA atau orang ramai yang berurusan dengan FELDA.

Antaranya adalah:

- a) Datang sendiri ke Unit Integriti FELDA di alamat;

**UNIT INTEGRITI FELDA**

**Tingkat 34, Menara FELDA, Platinum Park,  
No.11 Persiaran KLCC,  
50088 Kuala Lumpur.**

- b) Menelefon pejabat Unit Integriti FELDA melalui nombor talian **03-21912214**
- c) Melalui E-mel **aduanintegriti@felda.net.my**
- d) Secara bertulis dan hantar sama ada melalui e-mel, serahan tangan atau pos ke alamat di atas.

## BAB 3

### PANDUAN MEMBERI MAKLUMAT ATAU ADUAN JENAYAH RASUAH BERKUALITI

Ada beberapa faktor perlu diambil kira sebelum memberi maklumat atau aduan kepada Unit Integriti FELDA. Apa yang paling penting adalah seseorang itu perlu mengetahui apa yang hendak dilaporkan. Sila pastikan maklumat yang diberikan itu melibatkan perbuatan jenayah rasuah atau kesalahan ditetapkan di bawah Akta SPRM 2009. Hal ini adalah untuk mengelakkan daripada memberi sesuatu maklumat berdasarkan persepsi, perasaan dengki, khianat dan iri hati kepada seseorang. Banyak maklumat dikatakan kononnya berunsur jenayah rasuah telah diviralkan dalam media sosial tetapi sekadar persepsi atau dengar cakap yang tiada bukti sahih.

Maklumat yang berkualiti perlu mempunyai sekurang-kurangnya ciri-ciri berikut:

- a) Mempunyai tarikh atau masa kejadian. Sekiranya anda tidak ingat tarikh atau masa rasuah itu berlaku, sedikit panduan boleh diberikan kepada SPRM. Sebagai contoh, kejadian berlaku pada awal bulan atau minggu ketiga bulan Jun atau minggu pertama bulan Ramadan, seminggu lepas Tahun Baru Cina atau sebagainya.
- b) Mengetahui tempat kejadian seperti di rumah, pejabat, hotel dan sebagainya.
- c) Memberikan butir-butir peribadi orang yang terlibat seperti perwatakan orang itu, nama, jawatan dan alamat tempat bertugas. Jika tidak tahu nama pegawai terlibat, adalah memadai jika dapat memberikan nama jawatan, bahagian pegawai terlibat bertugas, dan sebagainya.

- d) Mengetahui bentuk kesalahan yang dilakukan seperti meminta atau menawarkan suapan rasuah, mengemukakan tuntutan palsu atau salah guna jawatan.
- e) Ada saksi-saksi yang mengetahui atau boleh membantu atau melihat kejadian itu seperti kakitangan pegawai itu, kontraktor, pembekal, dan sebagainya.
- f) Mengemukakan rujukan dokumen-dokumen yang berkaitan seperti fail-fail berkaitan tender, Pesanan Pembelian (*Purchase Order*), Surat Perintah Kerja (SPK), penyata akaun dan slip bank jika ada. Jika tiada juga, anda boleh memberi maklumat seperti maklumat mengenai jenis pembinaan projek (pejabat, bekal perabot), lokasi projek, tahun projek dilaksanakan dan status projek.
- g) Mengetahui bentuk suapan rasuah seperti wang, kenderaan, hartanah, barang berharga atau apa-apa bentuk perkhidmatan.
- h) Mengemukakan sebarang rujukan lain jika ada seperti nombor akaun, nombor kenderaan dan alamat rumah.

Walaupun ciri-ciri maklumat berkualiti di atas tidak semuanya boleh diperoleh dalam satu-satu maklumat atau aduan yang diperoleh, tetapi usaha-usaha perlu dilakukan untuk memenuhinya walaupun tidak sepenuhnya agar maklumat itu tidak terlalu umum yang menyukarkan SPRM menjalankan siasatan. Bagi menyediakan maklumat berkualiti dan berhasil dengan satu bentuk tindakan siasatan berkualiti oleh SPRM, pemberi maklumat perlu menilai sama ada maklumat atau laporan yang akan dikemukakan itu benar, tepat dan boleh disahkan kebenaran.

Sebagai contoh, A sedang memandu kereta menuju ke sebuah bandar. Sewaktu dipertengahan jalan beliau melihat sepasukan pegawai JPJ sedang membuat pemeriksaan ke atas beberapa buah lori di tepi jalan. A terus menghubungi SPRM dan memaklumkan bahawa pegawai JPJ sedang meminta wang rasuah daripada pemandu-pemandu lori tersebut. Berdasarkan maklumat diterima itu, memang benar pegawai JPJ sedang menahan dan memeriksa lori-lori tersebut tetapi persoalan yang A perlu jawab adalah,

benarkah pegawai-pegawai JPJ itu sedang melakukan kesalahan rasuah? Sekiranya benar, siapa yang boleh mengesahkannya? Jika A hanya membuat anggapan semata-mata. Maklumat sebegini tidak boleh dijadikan asas untuk SPRM bertindak.

Walau bagaimanapun, sekiranya A juga turut ditahan bersama-sama pemandu lori itu dan A melihat atau mendengar sendiri berlakunya permintaan atau penerimaan suapan wang rasuah oleh pegawai JPJ itu, maka wajarlah A melaporkan kepada pihak SPRM dan A adalah pemberi maklumat yang akan dilindungi dalam kes tersebut.

Oleh itu, kumpulkan maklumat dan sampaikan isi penting seperti **BILA** kejadian itu berlaku, **DI MANA** kesalahan berlaku, **SIAPA** yang terlibat dan boleh membantu, **APA** kesalahan yang dilakukan, **KENAPA** kesalahan itu dilakukan dan **BAGAIMANA** transaksi rasuah tersebut dilakukan.

“*Barang siapa yang kami angkat menjadi pegawai dengan tugas tertentu dan telah kami berikan upah sebagaimana mestinya, maka apa yang dia ambil di luar daripada apa yang telah diberikan, maka itu namanya pengkhianatan (rasuah)*”

*(Hadis Riwayat Abu Daud)*

## BAB 4

# PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat bertujuan untuk menggalakkan pendedahan maklumat mengenai sebarang perbuatan jenayah rasuah atau pelanggaran tatatertib oleh mana-mana petugas FELDA. Perlindungan ini amat penting diberikan kepada pemberi maklumat daripada sebarang tindakan memudaratkan akibat daripada pendedahan yang telah dibuat.

### 1) PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT DI BAWAH AKTA SPRM 2009

Perlindungan kepada pemberi maklumat telah diperuntukkan di bawah Seksyen 65 (1), Akta SPRM 2009.

- a) Adalah perlu ditegaskan bahawa pemberi maklumat akan dilindungi oleh undang-undang. Daripada aspek perundangan, pemberi maklumat sentiasa dilindungi oleh undang-undang kerana identitinya dan semua maklumat yang diberikan kepada pegawai SPRM di Unit Integriti FELDA atau mana-mana pegawai SPRM adalah **rahsia** dan **tidak boleh didedahkan** dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah, atau yang lain di dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain.
- b) Perkara ini sudah tentu akan diambil perhatian serius oleh SPRM kerana sudah termaktub dalam Akta SPRM 2009. Hal ini amat penting kepada pemberi maklumat kerana pendedahan identiti boleh memudaratkan keselamatan diri dan kerjaya mereka. Hal ini bermakna apa juar tempat maklumat diberikan, dokumen, benda atau apa-apa sahaja bahan bukti yang diberikan oleh pemberi maklumat, ia akan dilindungi.

- c) Sekiranya maklumat yang diberikan itu berjaya dibongkar dan dibawa ke mahkamah, pihak mahkamah tidak boleh memerintahkan atau meminta mana-mana pihak mendedahkan maklumat dan identiti pemberi maklumat itu. Sebaliknya, pihak mahkamah juga bertanggungjawab memastikan ia tidak didedahkan kepada pengetahuan mana-mana pihak bagi melindungi pemberi maklumat tersebut.

## **2) PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

Akta ini telah digubal bagi memperuntukkan perlindungan terhadap Pemberi Maklumat yang telah mendedahkan sesuatu kelakuan tidak wajar. Akta ini terpakai kepada semua orang termasuk kepada mereka yang berada dalam sektor awam dan swasta. Semua badan, agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun dan badan swasta seperti syarikat adalah tertakluk kepada pemakaian Akta ini.

### **Maksud kelakuan Tidak Wajar**

Kelakuan tidak wajar bermaksud suatu kesalahan yang boleh terjumlah kepada kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah seperti berikut;

- a) Kesalahan tatatertib bermaksud tindakan yang melanggar tatatertib diperuntukkan oleh undang-undang atau peraturan atau kod etika yang boleh membawa kepada tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surc妖) 2000.
- b) Kesalahan jenayah pula adalah kesalahan yang telah diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang jenayah negara ini seperti kesalahan jenayah rasuah di bawah Akta SPRM 2009 atau kesalahan jenayah lain seperti penipuan, pecah amanah jenayah atau memalsukan dokumen di bawah Kanun Keseksaan. Sebagai contoh, sekiranya seseorang Pemberi Maklumat itu mendedahkan

kesalahan jenayah rasuah melibatkan majikan atau rakan mereka sendiri di tempat kerjanya, maka beliau berhak untuk mendapatkan perlindungan di bawah akta ini.

### **Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat**

Perlindungan yang diberikan merangkumi tiga perkara seperti berikut:

- a) Perlindungan maklumat sulit. Sebagai contoh, maklumat mengenai identiti, pekerjaan, alamat kediaman, tempat pekerjaan dan lain-lain;
- b) Kekebalan daripada tindakan sivil atau jenayah yang cuba dikenakan terhadap pemberi maklumat. Sebagai contoh, seseorang pemberi maklumat, tidak boleh disaman atau didakwa oleh pihak yang telah didedahkan kelakuan tidak wajarnya; dan
- c) Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan. Sebagai contoh, seorang pemberi maklumat telah memberi maklumat mengenai perbuatan rasuah majikannya. Jika majikannya ingin mengambil tindakan balas seperti membuang kerja si pemberi maklumat itu, maka pemberi maklumat itu adalah dilindungi di bawah akta ini.

### **Maksud Tindakan Yang Memudaratkan**

Tindakan yang memudaratkan termasuklah perbuatan mencederakan, ugutan, gangguan, diskriminasi, penamatan perkhidmatan, gantung kerja, ancaman atau apa sahaja yang menyebabkan kerugian yang disebabkan oleh mana-mana orang ke atas pemberi maklumat.

Manakala Seksyen 10, Akta yang sama seseorang itu disifatkan mengambil tindakan memudaratkan terhadap pemberi maklumat yang telah dilindungi di bawah Akta ini, jika orang itu mengambil atau mengancam pemberi maklumat itu atau mengapi-apikan atau benarkan orang lain mengambil tindakan atau ancaman ke atas pemberi maklumat itu.

Jika disabitkan kesalahan yang memudaratkan pemberi maklumat, seseorang itu boleh dihukum **denda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih 15 tahun atau kedua-dua sekali.**

## **Bolehkah Pendedahan Maklumat Melalui E-mel, Telefon Atau Surat?**

Pemberi maklumat boleh mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana pegawai SPRM di Unit Integriti FELDA atau mana-mana pejabat SPRM melalui pelbagai saluran aduan. Mengikut Akta ini, pendedahan boleh dibuat secara lisan atau bertulis. Pegawai yang diberi kuasa hendaklah mengubahnya ke dalam bentuk bertulis. **Pendedahan boleh dibuat secara e-mel, telefon atau surat tetapi tetap perlu hadir untuk pengesahan.**

Untuk melindungi pemberi maklumat tersebut, pegawai yang diberi kuasa itu akan menghubungi pemberi maklumat untuk menghadiri temu janji supaya perlindungan di bawah Akta ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

## **Syarat-Syarat Pemberi Maklumat Untuk Mendapatkan Perlindungan**

Terdapat berbagai-bagi cara untuk seseorang Pemberi Maklumat mendedahkan sesuatu kelakuan tidak wajar termasuk jenayah rasuah atau pelanggaran tatatertib kepada sesebuah agensi penguat kuasa termasuk Unit Integriti FELDA atau SPRM. Walau bagaimanapun, syarat bagi seseorang Pemberi Maklumat untuk mendapatkan perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 adalah:

- a) Pemberi Maklumat bersedia untuk dikenali oleh sesebuah agensi penguat kuasa;
- b) Pemberi Maklumat hadir sendiri dan berjumpa dengan pegawai-pegawai penguat kuasasama ada di pejabat atau di mana-mana tempat untuk membuat pendedahan tidak wajar itu;

- c) Sekiranya pendedahan tidak wajar dibuat melalui surat, maka identiti Pemberi Maklumat mesti dinyatakan dan bagaimana beliau boleh dihubungi;
- d) Sekiranya Pemberi Maklumat tidak dapat dikenal pasti, tiada perlindungan boleh diberikan kepada Pemberi Maklumat berkenaan.
- e) Pemberi maklumat tetap akan diberi perlindungan di bawah Akta ini walaupun laporan jenayah rasuah atau pelanggaran tatatertib dibuat itu tidak membawa kepada suatu tindakan pendakwaan atau tindakan tatatertib di mana-mana undang-undang atau peraturan atas pelbagai sebab termasuk tidak cukup bukti atau keterangan.
- f) Pemberi maklumat perlu merahsiakan setiap masa semua maklumat yang telah dizahirkan kepada Unit Integriti FELDA atau SPRM, sama ada maklumat itu berakhir dengan tindakan undang-undang, tindakan tatatertib atau tiada sebarang tindakan bagi melindungi Pemberi Maklumat daripada terdedah kepada tohmahan atau tindakan tidak wajar pihak tertentu.

### **3) PEMBATALAN TERHADAP PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

Pada saat pemberi maklumat mendedahkan kelakuan tidak wajar, dia sudah menikmati perlindungan di bawah Akta ini. Perlindungan ini akan kekal selama-lamanya kecuali dibatalkan di bawah Seksyen 11 Akta ini. Antara sebab-sebab pembatalan perlindungan adalah :

- a) Pemberi maklumat sendiri telah terlibat dengan kelakuan tidak wajar itu;
- b) Pemberi maklumat sengaja membuat pernyataan palsu;
- c) Pendedahan adalah remeh atau menyusahkan;

- d) Pendedahan mempersoalkan merit dasar kerajaan;
- e) Pendedahan dibuat semata-mata untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain; dan
- f) Pemberi maklumat telah melakukan kesalahan di bawah akta ini.

#### **4) KESALAHAN MEMBERI MAKLUMAT PALSU**

Mengikut Seksyen 21, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, mana-mana orang yang **dengan sengaja memberikan maklumat atau pendedahan kesalahan tidak wajar sama ada mengenai jenayah rasuah atau pelanggaran tatatertib** kepada mana-mana agensi penguatkuasa termasuk pegawai Unit Integriti FELDA yang mana maklumat itu dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak benar adalah melakukan kesalahan yang boleh disabitkan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya.

Mengikut Seksyen 65(3) Akta SPRM 2009 memperuntukkan mana-mana orang yang memberikan sesuatu maklumat sedangkan **dia tahu bahawa maklumat itu palsu adalah menjadi satu kesalahan** dan sekiranya disabitkan kesalahan hukumannya adalah penjara tidak melebihi 10 tahun denda tidak melebihi RM 100,000.

#### **5) GANJARAN ATAU PENGIKTIRAFAN KEPADA PETUGAS FELDA MELAPORKAN KELAKUAN TIDAK WAJAR**

Mana-mana penjawat awam termasuk Petugas FELDA layak diberi pengiktirafan dalam bentuk ganjaran kewangan, sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat persekutuan atau negeri sekiranya melaporkan pemberian atau penerimaan suapan rasuah sehingga kes berjaya dibuktikan. Hal ini berdasarkan surat edaran SPRM melalui SPRM/BKP/20/22/1.9 bertarikh 11 Mac 2011.

Manakala dalam Seksyen 26, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 pula menyatakan agensi penguatkuasaan boleh memberikan apa-apa ganjaran yang difikirkan patut untuk dibayar kepada pemberi maklumat bagi apa-apa pendedahan kelakuan tidak wajar yang membawa kepada pengesanan kes atau kes berjaya dibawa ke mahkamah atau tindakan tatatertib.

“

*Dan Dia memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangkanya. Dan sesiapa yang bertawakkal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupnya (keperluan). Sesungguhnya Allah melaksanakan urusanNya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi setiap sesuatu*

*(Surah Al-Talaq, Ayat: 63)*

”

## BAB 5

### TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI FELDA MENGURUSKAN MAKLUMAT

Semua maklumat atau aduan yang diterima oleh Unit Integriti FELDA adalah **dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak.**

Maklumat atau aduan yang diterima daripada pelbagai sumber akan didaftarkan dan dibawa kepada Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) yang dipengerusikan oleh Ketua Unit Integriti, Timbalan Ketua Unit (Operasi) dan Ketua Seksyen Aduan.

#### **Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM)**

JMM telah diwujudkan oleh Unit Integriti FELDA selaras dengan pelaksanaan JMM di SPRM bagi memastikan semua maklumat atau aduan didaftarkan dan dibawa dalam mesyuarat JMM bertujuan untuk memastikan semua aduan diputuskan dalam mesyuarat JMM dan meningkatkan ketelusan. JMM akan memutuskan tindakan ke atas semua maklumat yang diterima seperti berikut:

- a) Mengesahkan maklumat melalui penyiasatan oleh Seksyen Penyiasatan, Unit Integriti FELDA;
- b) Dipanjangkan kepada SPRM sekiranya maklumat itu jelas berunsur jenayah rasuah;
- c) Dipanjangkan kepada agensi penguat kuasa yang lain sekiranya maklumat itu berunsur jenayah selain daripada jenayah rasuah;
- d) Merujuk kepada Urus Setia Tatatertib, Unit Integriti FELDA sekiranya kesalahan pelanggaran tatatertib;

- e) Tindakan penambahbaikan sistem dan prosedur kerja oleh Seksyen Tadbir Urus, Unit Integriti FELDA;
- f) Merujuk kepada Jabatan, Unit, Wilayah dan Rancangan FELDA sekiranya melibatkan masalah atau urusan pentadbiran;
- g) Tiada tindakan (NFA).

### **Pelaporan**

Unit Integriti FELDA perlu melaporkan status maklumat dan tindakan dalam pelaporan ke Lembaga Pengarah FELDA dan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) SPRM setiap empat (4) bulan sekali seperti mana dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013.

## PENUTUP

Jenayah rasuah boleh menyebabkan organisasi FELDA tidak berintegriti dan lemah tadbir urus. Agensi FELDA dan warganya akan diperlekehkan oleh masyarakat dan menjatuhkan imej dan reputasi negara. Jenayah rasuah juga akan menyebabkan berlakunya ketirisan hasil dan ketirisan perbelanjaan di dalam organisasi serta bertentangan dengan nilai teras utama FELDA. Pelaku-pelaku jenayah rasuah akan berhadapan dengan risiko disabitkan dengan hukuman di bawah undang-undang seperti Akta SPRM 2009 (Akta 694), Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Syarikat 2016 (Akta 777), Akta Persaingan 2010 (Akta 712) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

Perlu ditegaskan bahawa, mana-mana petugas FELDA yang telah disabitkan oleh mahkamah kerana kesalahan jenayah rasuah atau mana-mana kesalahan jenayah lain akan berdepan dengan hukuman tatatertib sehingga dibuang kerja di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

Oleh itu, setiap petugas FELDA bukan sahaja perlu menolak dan menghindari perbuatan jenayah rasuah, tetapi juga hendaklah melaporkan kesalahan tersebut supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membendung amalan jenayah rasuah daripada berleluasa di dalam organisasi.

## BIBLIOGRAFI

*Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (2000).* Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Bhd.

*Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (2001).* Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Bhd.

*Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (2009).* Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Bhd.

*Arkib Kenyataan Media SPRM, 6 Oktober 2016.* Portal SPRM

Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKDA), 19 Mac 2019 (<http://www.jkpda.gov.my/kesalahan-rasuah-oleh-organisasi-komersial/>)

*Kanun Keseksaan 1976 (Akta 574) (1976).* Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Bhd.

*Manual Perolehan FELDA (2015).* Kuala Lumpur: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Mohamad Fauzi Husin (2018). *Jenayah Rasuah: Ranjau Dalam Mencari Keberkatan Rezeki.* Kajang, Selangor: Mihas Grafik Sdn Bhd.

Mohamad Fauzi Husin (2018). *Jihad Perangi Jenayah Rasuah: Panduan Pencegahan Dan Pelaporan Kes Jenayah Rasuah.* Kuantan: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Pahang.

Mohamad Fauzi Husin (2020). 'Jenayah Rasuah Di Malaysia: Penyakit Sosial Merentas Zaman'. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

## **SENARAI ALAMAT PEJABAT FELDA**

### **ALAMAT IBU PEJABAT FELDA**

Menara FELDA,  
Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC  
50088 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2191 2191  
No. Faks: 03-2191 2590

### **ALAMAT PEJABAT WILAYAH FELDA**

#### **WILAYAH ALOR SETAR**

Pejabat Felda Wilayah Alor Setar,  
Jalan Perak off Jalan Seberang Jalan Putera, Mergong,  
05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman  
Tel: 04-735 2059 / 04-735 4342  
No. Faks: 04-735 3128

#### **WILAYAH TROLAK**

Pejabat FELDA Wilayah Trolak,  
Jalan Meranti 2, Feldajaya Utara,  
35600 Sungkai, Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-438 6201 / 05-438 6153 / 05-438 6196  
No. Faks: 05-438 6136

#### **WILAYAH RAJA ALIAS**

Pejabat Felda Wilayah Raja Alias,  
Feldajaya Selatan,  
72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel: 06-458 1333 / 06-458 1985 / 06-458 2023  
No. Faks: 06-458 2016

#### **WILAYAH SEGAMAT**

Pejabat Felda Wilayah Segamat,  
KM.5, Jalan Genuang,  
85000 Segamat, Johor Darul Takzim  
Tel: 07-943 2410 / 07-943 2411 / 07-943 2419  
No. Faks: 07-943 4183

**WILAYAH JOHOR BAHRU**

Pejabat Felda Wilayah Johor Bahru,  
Jalan Taruka Off, Jalan Datin Halimah,  
Karung Berkunci 724,  
80990 Johor Bahru, Johor Darul Takzim  
Tel: 07-236 1477 / 07-236 1478 / 07-234 7477  
No. Faks: 07-2369749

**WILAYAH MEMPAGA**

Pejabat Felda Wilayah Mempaga,  
Mempaga 1,  
28600 Bentong, Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-223 5725 / 09-223 3543  
No. Faks: 09-223 2517

**WILAYAH JENGKA**

Pejabat Felda Wilayah Jengka,  
Kompleks PPTR Tekam,  
26400 Bandar Tun Razak Jengka,  
Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-471 8400 / 09-471 8001  
No. Faks: 09-471 8543

**WILAYAH KUANTAN**

Pejabat Felda Wilayah Kuantan,  
1, Jalan IM 6, Bandar Indera Mahkota,  
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-573 3030 / 09-573 3533  
No. Faks: 09-573 3633

**WILAYAH TERENGGANU**

Pejabat Felda Wilayah Terengganu,  
Lot 10260 Tepoh,  
Mukim Kuala Nerus,  
21060 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman  
Tel: 09-662 6642 / 09-662 6641 / 09-662 6640  
No. Faks: 09-662 3988

**WILAYAH GUA MUSANG**

Pejabat Felda Wilayah Gua Musang,  
Bandar Baru, Jalan Lipis,  
18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim  
Tel: 09-912 1101 / 09-912 1102 / 09-912 1933  
No. Faks: 09-912 1936

**WILAYAH SAHABAT**

Pejabat Felda Wilayah Sahabat,  
Peti Surat 88,  
91150 Cenderawasih, Lahad Datu, Sabah  
Tel: 089-811 200 / 089- 812 998  
No. Faks: 089- 811 2020



# **POLISI PERANGI JENAYAH RASUAH**

**UNIT INTEGRITI**  
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN  
Aras 34, Menara FELDA,  
Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC,  
50088 Kuala Lumpur  
03-21912214  
[aduanintegriti@felda.net.my](mailto:aduanintegriti@felda.net.my)